

ISU PELUANG PEKERJAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (OKU) DI MALAYSIA

Mohd Zulkarnain Abdul Wahab^a, Aliza Alias^b, Hamidah Yamat^c

^aSEAMEO Regional Center for Special Education (SEAMEO SEN)

^{bc}Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

E-mail : zulkarnainwahab@gmail.com

Abstrak : Penggubalan dasar dan peruntukan undang-undang sejak 10 tahun yang lalu telah membawa perubahan besar ke atas hak kesamarataan dan peluang pekerjaan Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia. Namun, masih terdapat kelemahan dalam memastikan kesamarataan peluang pekerjaan bagi golongan OKU. Kertas kerja ini membincangkan isu-isu berkaitan peluang pekerjaan yang sesuai dengan keperluan OKU, serta mengenalpasti dan memahami hak-hak OKU termasuk Akta OKU 2008. Walaupun terdapat Akta yang menyokong hak OKU, namun terdapat beberapa halangan bagi golongan OKU untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan keperluan mereka seperti peluang, latihan dan majikan yang menerima mereka sebagai tenaga kerja. Salah satu usaha untuk membantu golongan OKU ini bersedia dan layak dipertimbangkan untuk diberi peluang pekerjaan ialah program transisi yang perlu dilaksanakan se awal mungkin di peringkat sekolah lagi. Program Transisi Kerjaya merupakan sebagai satu langkah awal bagi membantu golongan OKU menguasai kemahiran kerjaya yang sesuai dan dikehendaki oleh pasaran tenaga kerja.

Kata Kunci: Peluang Pekerjaan OKU, Program Transisi Kerjaya, Akta OKU 2008

***Abstract :** The changes in policies and laws for Person With Disabilities (PWD) over the past 10 years has made a significant difference on the rights for equality and employment in Malaysia. However, the system is still lacking in the enforcement of these policies and laws especially on the employment for PWD. This paper will discuss issues that arises relating to PWD employment needs as well as recognizing and understanding the rights of PWD, including Akta OKU 2008. Even with the introduction of Acts that support the rights of PWD, there are still barriers that deter PWD to find suitable jobs such as opportunity, training and employer that is willing to offer employment. Among the effort in assisting PWD to be ready and qualify for the job market is the implementation of Career Transition Program which should start as early as possible. Career Transition Program is an early approach to ensure the marketability of PWD and assisting them to acquire related employment skills.*

Keywords: PWD Employment Opportunities, Career Transition Program, OKU Act 2008

PENGENALAN

Orang Kurang Upaya (OKU) di peringkat global telah mendapat pelbagai pengiktirafan antaranya *Universal Declaration Of Human Right (UDHR)* dalam perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 10 Disember 1948 yang menjadi teras perlindungan hak asasi setiap manusia di seluruh dunia, golongan ini juga telah jelas dinyatakan dalam Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya (*Convention On The Right Of Person With Disabilities*) yang telah diterima oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 13 Disember 2006 dan dibuka untuk ditandatangani dan diratifikasi pada 30 Mac 2007. Sebanyak 158 buah negara telah memberikan komitmen dengan menandatangani dan meratifikasi konvensyen ini termasuklah Kerajaan Malaysia. Tujuan utama konvensyen adalah untuk memberikan hak sama rata kepada OKU untuk menikmati kehidupan seperti insan tipikal yang lain. Berdasarkan konvensyen ini terdapat tujuh hak khusus yang dimaktubkan kepada OKU iaitu hak untuk i) perundangan tanpa diskriminasi, ii) kehidupan, iii) kebebasan dan keselamatan individu, iv) bebas daripada penyesaan, v) menghormati integriti fizikal & mental, vi) pendidikan, kesihatan dan pekerjaan dan vii) terlibat dalam politik, aktiviti awam dan kesenian dengan bebas.

Di Malaysia pula, setiap individu adalah sama di sisi undang-undang dan mendapat perlindungan yang sama rata dan dinyatakan dalam Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Ini kerana setiap individu di dunia ini inginkan kehidupan yang selesa dan diterima oleh masyarakat (Hirwan et al. 2014). Ini sangat jelas menggambarkan bahawa setiap individu di Malaysia berhak mendapat perlindungan dan layanan yang sama rata di sisi undang-undang tanpa mengira status dan fizikal seseorang. OKU di Malaysia tergolong dalam kumpulan minoriti yang juga memerlukan perlindungan dan bantuan sama seperti kumpulan minoriti yang lain seperti orang asli, wanita dan kanak-kanak. Atas sebab yang sama, hak kumpulan ini banyak dibincangkan dan diiktiraf di peringkat antarabangsa melalui beberapa deklarasi dan konvensyen.

GOLONGAN OKU

Laporan World Report on Disability (2011) memetik seramai 15% populasi dunia adalah terdiri daripada Orang Kurang Upaya (OKU). Di peringkat antarabangsa, OKU dibela melalui *Convention on the Right of Persons with Disabilities (CRPD)*. Malaysia turut mempunyai akta tersendiri yang telah mentakrifkan OKU sebagai mereka yang mempunyai

kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat (Akta Orang Kurang Upaya 2008).

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang telah mengkategorikan OKU kepada tujuh kategori iaitu i) pendengaran, ii) penglihatan, iii) fizikal, iv) masalah pembelajaran, v) pertuturan, vi) mental dan vii) pelbagai.

OKU Di Malaysia

Data pendaftaran OKU bagi tahun 2005 hingga 2014 (Jadual 1) iaitu data bilangan rasmi OKU di Malaysia menunjukkan peningkatan yang besar setiap tahun. Pada 2005, bilangan OKU di negara Malaysia yang mendaftar hanya mencatatkan seramai 172,916 orang. Pada tahun 2010, iaitu lima tahun berikutnya, pendaftaran telah meningkat kepada 314,247 orang, manakala pada 2014, bilangan pendaftaran yang direkodkan adalah seramai 531,962 orang. Ini menunjukkan peningkatan 154% pendaftaran OKU. Namun, bilangan ini tidak menyeluruh kerana pendaftaran adalah tidak diwajibkan di Malaysia. Memetik sidang media, YAB Datuk Seri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dianggarkan terdapat sekitar 4.5 juta OKU di Malaysia berdasarkan populasi Malaysia iaitu 30.1 juta penduduk, tetapi pendaftaran yang direkodkan masih rendah. (Bernama 2015). Meskipun begitu, jumlah yang direkodkan masih besar jumlahnya dan membuktikan golongan OKU bukanlah minoriti yang kecil dan perlu diberi perhatian dan peluang yang sama rata. Antara faktor penyumbang lebih banyak OKU yang mendaftar di bawah JKJ adalah dengan adanya lebih banyak program kesedaran yang menyasarkan OKU di Malaysia.

OKU dan Pekerjaan

Malaysia dalam menuju ke arah negara maju telah berjaya mencipta pelbagai ruang dan peluang kepada perniagaan dan ekonomi yang secara tidak langsung telah menyumbang kepada kewujudan peluang pekerjaan kepada rakyatnya. Meskipun demikian, setiap pekerjaan yang ada telah digariskan kriteria calon-calon pilihan untuk dipenuhi. Kebiasaannya, majikan akan menilai calon berdasarkan merit latar belakang pendidikan dan pengalaman yang dinyatakan. Sudah menjadi lumrah bagi majikan untuk memilih seseorang yang terbaik bagi jawatan yang ditawarkan. Ini menyukarkan OKU yang terdiri daripada kumpulan minoriti dan mempunyai kekurangan mendapat pekerjaan. Oleh yang demikian, mereka perlu disokong dengan memberi peluang pekerjaan dan bukan sebaliknya hanya simpati dari masyarakat (Berkeley 1989). OKU perlu berdepan dengan cabaran dan dugaan yang sangat tinggi dalam mendapatkan pekerjaan. Ini menyebabkan jurang kadar kumpulan ini yang berjaya mendapat pekerjaan semakin besar berbanding golongan tipikal.

Kerajaan Malaysia dalam membantu OKU telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10/1988, dan kemudiannya telah dibatalkan dengan pengenalan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3/2008 yang telah dikemaskini bertujuan untuk menjelaskan prosedur, peranan agensi dan pemantauan pelaksanaan dasar kuota satu peratus (1%) peluang pekerjaan diperuntukkan kepada OKU di sektor awam. Kemudian, pada 2010, Kerajaan Malaysia telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16/2010 menggantikan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3/2008 yang menetapkan tanggungjawab pemantauan yang dahulunya oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat telah ditukar kepada semua kementerian supaya lebih mudah dan tegas dalam memantau organisasi dan agensi di bawah seliaan mereka.

Jadual 1: Pendaftaran OKU di Malaysia

Kategori Ketidakupayaan	2005	2010	2011	2012	2013	2014
Penglihatan	16,211	27,840	31,924	40,510	46,307	50,827
Pendengaran	26,470	39,824	43,788	53,357	58,706	62,153
Fizikal	58,371	105,020	123,346	148,461	162,215	174,795
Masalah Pembelajaran	66,906	120,109	134,659	165,281	178,800	188,911
Pertuturan	-	334	725	1,734	3,677	3,988
Mental	-	3,663	8,927	14,990	19,914	24,263
Pelbagai	4,958	13,389	15,834	20,673	24,455	27,025
Jumlah	172,916	314,247	359,203	445,006	494,074	531,962
Pertambahan		141,331				217,715

(Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat 2016; Melissa Ng Lee et al. 2011)

Akta OKU 2008

Penggubalan Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008 adalah bagi menggalakkan penyertaan penuh dan efektif golongan OKU (Menteri KPWKM 2016). Akta OKU 2008 memberi perhatian kepada hak dan kepentingan OKU merangkumi hak-hak istimewa termasuk hak menjalankan kehidupan sama seperti individu tipikal. Akta itu menterjemahkan bahawa OKU mempunyai hak untuk: i) akses kemudahan, ameniti, perkhidmatan dan bangunan awam, ii) mendapatkan pendidikan, iii) mendapatkan pekerjaan, iv) mendapatkan maklumat, komunikasi dan teknologi, v) akses kepada kehidupan berbudaya, vi) akses kepada rekreasi, santai dan sukan, vii) mendapat rawatan dan tempat perlindungan, viii) mendapat kemudahan kesihatan, ix) perlindungan sepanjang hayat dan sistem sokongan sosial, dan x) mendapat bantuan semasa kecemasan.

Lanjutan daripada Akta OKU 2008 itu, kerajaan juga telah menubuhkan Majlis OKU Kebangsaan yang terdiri daripada wakil daripada kerajaan, wakil pendidikan dan wakil NGO terpilih. Majlis OKU Kebangsaan akan bersidang bagi melihat pelaksanaan, penyeliaan, membincangkan keperluan serta menasihati kerajaan daripada aspek penambahbaikan

Isu Pekerjaan OKU di Malaysia

Peluang

Portal Rasmi Open Data Kerajaan Malaysia (2016) di bawah seliaan Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU) mencatatkan dari tahun 2011 hingga 2015 hanya 482 individu OKU yang diterima sebagai

penjawat awam (Jadual 2). Ini adalah satu jumlah yang sangat jauh berbeza iaitu hanya lebih kurang 2% berbanding permohonan yang diterima daripada golongan OKU tersebut iaitu 24, 284 pemohon daripada pelbagai kategori. Dalam situasi negara yang sedang pesat membangun dan percambahan peluang pekerjaan, bilangan tersebut tidak berjaya menterjemahkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16/2010 apabila hanya seramai 482 OKU sahaja yang diserapkan dalam perkhidmatan awam berbanding bilangan permohonan iaitu seramai 24,284 orang seperti di Jadual 3. Walhal, OKU juga berhak diberi peluang sama rata untuk mendapatkan pekerjaan bagi memenuhi tuntutan kehidupan untuk berdikari dan mempunyai pendapatan sendiri. dasar atau peluang bagi OKU (Hirwan et al. 2014).

Jadual 2 : Bilangan OKU dilantik dalam Sektor Perkhidmatan Awam

Kumpulan	2011	2012	2013	2014	2015
Pengurusan Profesional (Ijazah)	7	6	13	7	5
Sokongan 1 (Diploma)	24	32	24	17	14
Sokongan 2 (Sijil, SPM, PMR)	46	0	70	83	54
Jumlah	77	118	107	107	73

(Sumber: Portal Data Terbuka Malaysia seliaan MAMPU 2015)

Jadual 3 : Statistik Pemohonan Calon OKU bagi Urusan Pengambilan Mengikut Jenis Kurang Upaya bagi tahun 2011 - 2015

Kumpulan	2011	2012	2013	2014	2015
Kurang Upaya Fizikal	2,075	1,906	4,117	2,558	2,664
Kurang Upaya Mental	81	80	117	92	103
Kurang Upaya Pelbagai	137	111	268	181	140
Kurang Upaya Pendengaran	414	422	1,027	561	549
Kurang Upaya Penglihatan	735	742	1,576	961	916
Kurang Upaya Pertuturan	88	91	144	121	127
Masalah Pembelajaran	154	116	425	250	235
Jumlah	3,684	3,468	7,674	4,724	4,734

(Sumber: Portal Data Terbuka Malaysia seliaan MAMPU, 2016)

Latihan

Tinjauan kepustakaan terhadap kajian yang telah dilakukan menunjukkan terdapat di antara OKU yang tidak menunjukkan minat terhadap latihan yang dijalankan di sekolah, ini menimbulkan kerisauan dalam kalangan pendidik (Willems 2012). Golongan OKU ini hanya memperolehi ilmu yang terbatas dan terikat dengan konteks komuniti dan persekitaran.

Kajian oleh Idayu (2015) pula menunjukkan terdapat latihan yang dijalankan membataskan kemajuan

OKU secara tidak disedari lantas tidak diberi ruang untuk mereka belajar berinteraksi. Komunikasi adalah elemen kemahiran yang sangat penting perlu ada pada setiap OKU untuk memastikan mereka dapat berada di kalangan masyarakat.

Terdapat juga keadaan di mana pihak-pihak yang terlibat dalam program latihan OKU kurang memahami keperluan mereka dan ini turut menjadi faktor yang melambatkan perkembangan kemahiran golongan ini.

Majikan

Menurut Siti Suhaila (2013) menyatakan dalam kajiannya, majikan mempunyai lima masalah utama dalam mengambil OKU menyertai organisasi mereka iaitu masalah pengambilan, pemilihan, latihan, penginapan dan promosi. Turut menjadi kerisauan bagi majikan adalah cabaran yang perlu dihadapi berkenaan isu kelayakan, jenis kecacatan, bentuk perkhidmatan yang perlu disediakan, halangan komunikasi, kurang kemahiran softskill dan penginapan.

Pada masa ini, kebanyakan majikan hanya mengambil OKU bekerja bagi memenuhi Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan bukannya atas dasar memberi ruang untuk OKU berjaya atau atas dasar kelayakan seseorang OKU.

CADANGAN

Program Transisi di Sekolah

Menurut Warta Kerajaan Persekutuan di bawah Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 di Malaysia, Murid Berkeperluan Khas (MBK) bermaksud murid yang telah diperakukan oleh pengamal perubatan, ahli optik, ahli audiologi atau ahli psikologi daripada perkhidmatan kerajaan ataupun bukan kerajaan sebagai murid yang mempunyai salah satu atau gabungan ketidakupayaan penglihatan/ pendengaran/ pertu-turan/ fizikal/ masalah pembelajaran. MBK merujuk murid yang mengikuti persekolahan sama ada di Sekolah Pendidikan Khas atau di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) yang terdapat di sekolah aliran perdana.

Setiap tahun, ribuan MBK menamatkan persekolahan dan terpaksa menjalani kehidupan bersendirian dan menerima hakikat tidak ditawarkan pekerjaan. Aliza (2014) menyatakan bahawa transisi sekolah ke kerjaya merupakan peluang bagi MBK untuk mendapat pengalaman bekerja. Menurut Aliza (2013), program transisi membawa maksud proses peralihan seseorang MBK dari sekolah ke alam pekerjaan. Williams-Diehm & Lynch (2007) membincangkan program transisi sebagai satu gabungan aktiviti untuk murid dari sekolah ke aktiviti selepas waktu sekolah. Gabungan aktiviti tersebut melihat kepada keperluan murid secara individu, dengan mengambil kira pilihan minat murid dan pengalaman komuniti, perkembangan pekerjaan dan pelbagai objektif kehidupan alam dewasa selepas tamat persekolahan. Sesuatu perkembangan transisi yang telah dijalankan dinilai berdasarkan kemajuan murid menjalankan kehidupan seharian dan bekerja sebagai orang dewasa (Kiarie 2006). Program transisi kerjaya haruslah mempunyai reka bentuk yang dibina melalui program transisi dengan menekankan aspek pemilihan bidang kemahiran yang bersesuaian dengan keperluan dan keupayaan individu (Daros et al. 2012).

Di Malaysia, program transisi dilaksanakan oleh guru pendidikan khas (Aliza 2014). Menurut Aliza (2014) lagi, guru berperanan memilih MBK yang mempunyai potensi untuk dilatih dalam program transisi. Halpern (1994) berpendapat bahawa transisi

adalah sesuatu perubahan seseorang murid kepada kelakuan dewasa dalam masyarakat. Ini termasuk pekerjaan, melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi, berdikari menguruskan hidup dan aktif melibatkan diri dengan masyarakat.

Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dilihat telah berjaya dalam membantu MBK menghadapi cabaran dalam pembelajaran sehinggalah memasuki alam pekerjaan (Nasri, Hamzah & Udin 2010). Kementerian Pendidikan Malaysia (2012) mengakui kepentingan menyediakan pendidikan yang sesuai untuk MBK di mana kumpulan ini sebahagian besar daripada mereka lebih sesuai menggunakan kurikulum vokasional bagi menyediakan mereka dengan kemahiran teknikal vokasional berbanding kurikulum akademik sedia ada. Kumpulan MBK yang mempunyai masalah dalam pembelajaran, tetapi tidak mempunyai halangan dalam keupayaan fizikal pula boleh dilatih melalui pendidikan vokasional supaya dapat diserapkan dalam pekerjaan-pekerjaan tertentu selepas tamat persekolahan (Daros, Nordin & Saud 2012). Sebagai langkah untuk menyediakan pendidikan kepada MBK, KPM menyediakan kelas pendidikan khas di peringkat prasekolah, sekolah rendah dan menengah, bermula seawal umur 6 tahun hingga umur maksimum 19 tahun sebelum mereka meninggalkan alam persekolahan.

Banyak sekolah menyambut baik dengan melaksanakan program transisi di sekolah masing-masing tetapi kebanyakannya gagal. Menurut kajian Long (2012) kebanyakan masa program transisi di sekolah yang dijalankan hanya berada di ruang lingkup sekolah dan sehalu. Willems (2012) berpendapat perlunya kolaborasi di sekolah bagi mewujudkan komuniti yang penyayang disamping dapat menjayakan program-program sekolah, membantu kejayaan murid, membantu membaiki tingkah laku murid dan membantu murid berjaya di sekolah dan dalam komuniti. Menurut Collier (2015) banyak bukti-bukti kesan kolaborasi yang baik antara guru dan ibu bapa yang dapat memberikan impak dan kejayaan kepada anak. Guru juga mendapat kesan dengan merasai sendiri pengalaman bekerjasama dan cabaran dalam menjayakan sesuatu kolaborasi.

Di peringkat antarabangsa, The Individuals with Disabilities Education Act (IDEA 2004) menyatakan bahawa perkhidmatan transisi mestilah mempertimbangkan minat, pilihan dan keperluan pelajar. IDEA 2004 juga meminta agar Rancangan Pendidikan Individu (RPI), disertakan dengan komponen transisi yang spesifik seperti kenyataan mengenai keperluan perkhidmatan transisi dan agensi yang terlibat. Malah, Akta IDEA 2004 tersebut turut ditambah baik dengan disertakan dengan keperluan perkhidmatan transisi berkaitan dengan kursus yang dipelajari apabila usia murid mencapai 14 tahun. Rancangan perkhidmatan transisi juga harus melibatkan lebih ramai penglibatan pelbagai pihak dan berfokus kepada keberhasilan selepas tamat persekolahan.

Pendedahan Kepada Majikan

Akta OKU 2008 yang telah diluluskan Kerajaan Malaysia ini adalah bukti keprihatinan dan komitmen dalam tidak menepikan kebajikan serta mengiktiraf golongan OKU di Malaysia. Namun peruntukan yang ada masih kekurangan dari beberapa sudut seperti unsur definisi, unsur diskriminasi, penalti atau hukuman, badan penguatkuasa dan tribunal.

Perkara ini menjadi persoalan dan kerisauan dalam kalangan OKU yang telah lama menanti peluang untuk bekerja di Malaysia, kerana pekeliling tersebut jelas menyatakan bahawa setiap agensi bertanggungjawab untuk memastikan pengambilan OKU dalam perkhidmatan awam dilaksanakan secara berterusan sehingga mencapai bilangan sekurangnya satu peratus (1%). Pihak Kementerian masing-masing sepatutnya melaksanakan dasar berikut bagi pencapaian matlamat secara menyeluruh.

Latihan Kerjaya Yang Sesuai

Latihan kemahiran sering kali dikaitkan dengan program vokasional yang memberi fokus kepada kemahiran dan potensi keupayaan seseorang. Kajian Dowdy & Evers (1996) mendapati bahawa tahap kejayaan semasa dewasa bagi OKU ditentukan oleh kualiti pendidikan dan latihan yang diterima semasa sekolah rendah dan menengah.

Jika diperkenalkan dengan lebih awal, OKU dapat didedahkan dengan keperluan menguasai kemahiran hidup (Anizam et al. 2013). Sesuatu rancangan transisi tidak seharusnya hanya memberikan fokus kepada pengetahuan tetapi melatih kemahiran yang diperlukan OKU di alam dewasa atau jika melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi (Ofoegbu & Azarmsa 2010). Sehubungan itu, latihan kemahiran secara lebih bersungguh perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka. Fokus utama adalah untuk meluaskan akses yang menjurus kepada pendidikan vokasional yang berkualiti yang mampu mengembangkan bakat MBK ke arah lebih kreatif dan inovatif yang juga membantu mempercepatkan proses melahirkan tenaga kerja mahir yang mempunyai nilai insaniah, kebolehpasaran dan kemahiran yang mencapai standard dunia (Pelan Strategik Interim KPM 2011-2020, 2011).

Pendidikan vokasional merupakan latihan kemahiran asas kepada pekerjaan yang sesuai dengan kemampuan mereka (Anizam et al., 2013). Pendidikan berasaskan vokasional mampu membantu persediaan MBK dalam mendapatkan kemahiran untuk bersaing dalam pasaran kerja.

KESIMPULAN

Program transisi dilihat sebagai satu kaedah dalam mempersiapkan OKU ke arah alam pekerjaan. Program transisi yang dilaksanakan juga perlu melihat kemampuan dan minat seseorang OKU. Majikan merupakan satu struktur penyokong yang penting dalam pembangunan OKU dan perlu memainkan peranan dalam memberikan ruang dan peluang kepada OKU

dalam mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari. Majikan perlu bersama-sama menyokong OKU dengan menyediakan kemudahan asas kepada mereka. Di samping itu, latihan yang berterusan adalah perlu bagi memastikan keberlangsungan kemahiran yang ada pada OKU dalam menjadikan mereka lebih kompetitif.

RUJUKAN

- Aliza Alias. 2013. *The issues in implementing transition program for special needs students*. Asian Social Science, 9(16), 9-14.
- Aliza Alias. 2014. *Transition Program: The Challenges Faced by Special Needs Students in Gaining Work Experience*. International Education Studies, 7(13).
- Bernama. 2015. 4.2 Juta OKU Tidak Berdaftar Dengan JKM. 10 April 2015. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/4-2-juta-oku-tidak-berdaftar-dengan-jkm-rohani-57494> [19 Mei 2016]
- Daros, M. M., Nordin, M.S., & Saud, M.S. 2012. *Pelajar Berkeperluan Khas dan Bermasalah Pembelajaran Dari Sekolah Ke Kerjaya*. Journal Of Social Science. 5(1), 42 – 46.
- Epstein, J. L. .2001. *School, family, and community partnerships: Preparing educators and improving schools*. Boulder, CO: Westview Press.
- Halpern, A. 1994. *The transition of youth with disabilities to adult life: A position statement in the division on career development and transition, the council for exceptional children*. Career Development for Exceptional Individuals, 17, 115-124.
- Hirwan Jasbir Bin Jaafar, Dr. Harlida Bt. Abdul Wahab & Dr. Nurli Bt. Yaacob. 2014. Akta Orang Kurang Upaya 2008: Perkembangan *Hak Orang Kurang Upaya Di Malaysia*. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestrarian Insan 2014*, Johor, Malaysia.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2016. *Statistik Orang Kurang Upaya*. Dicapai pada 12 Mei 2016 daripada <http://www.jkm.gov.my>
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. 2016. *Teks Ucapan Menteri Pembangunan Wanita, Kelurga dan Masyarakat sempena Program Pelancaran Agrobakti: Pembiayaan Khas untuk Usahawan Mikro Orang Kurang Upaya (OKU)*. Dicapai pada 19 Mei 2016 daripada <http://www.kpwkm.gov.my>
- Kerajaan Malaysia. Pekeliling Perkhidmatan Awam Bil 3/2008. Pelaksanaan Dasar Satu Peratus Peluang Pekerjaan Dalam Perkhidmatan Awam Kepada Orang Kurang Upaya. Dicapai pada 19 Mei 2016 daripada <http://infolib.bernama.com>

- Kerajaan Malaysia. Pekeliling Perkhidmatan Awam Bil 16/2010. *Pencapaian Dasar Satu Peratus Peluang Pekerjaan Dalam Perkhidmatan Awam Kepada Orang Kurang Upaya*. <https://sistem.jpa.gov.my/ppsp/index.php/urusan-perkhidmatan-pp/item/1072-pencapaian-dasar-satu-peratus-peluang-pekerjaan-dalam-perkhidmatan-awam-kepada-orang-kurang-upaya.html> [19 Mei 2016]
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025: Pendidikan Prasekolah Hingga Lepas Menengah*. Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013*. Warta Kerjaan Persekutuan P.U. (A) 230
- Kiarie, M. W. 2006. *Educational Services For Students With Mental Retardation In Kenya*. International Journal of Special Education. 21(2), 47 – 54.
- Kohler, P.D. & Hood, L. 2000. *Improving student outcomes: Promising practices and programs for 1999-2000*. Champaign : University of Illinois
- Janette Long & Matthew Campbell. 2012. *Collaborative partnerships and learning: Broadening the experiences for a community organization, school and preservice teachers*. A Journal of Service-Learning & Civic Engagement Vol. 3, No. 2, Fall 2012.
- Margo Collier, Elizabeth B. Keefe, and Laura A. Hirrel. 2015. *Preparing Special Education Teachers to Collaborate With Families*. School Community Journal, 2015, Vol. 25, No. 1
- Melissa Ng Lee, Yen Abdullah, See Ching Mey. 2011. *Employment of People with Disabilities in Malaysia: Drivers and Inhibitor*. International Journal of Special Education. Vol 26. No. 1, 2011
- Oluremi F. D. 2015. *Inclusive Education Setting in Southwestern Nigeria: Myth or Reality?*. Universal Journal of Educational Research. 3(6): 368-374.
- Patricia P. Willems & Alyssa R. Gonzalez-DeHass. 2012. *School-Community Partnerships: Using Authentic Contexts to Academically Motivate Students*. School Community Journal, 2012, Vol. 22, No. 2.
- Siti Nor Idayu, M. N. & Mohammad Hisyam, M. A. 2015. *Pelaksanaan Program Transisi Bagi Mempersiapkan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran (Bpkmp) Ke Alam Kerjaya*. *Proceeding of the 3rd Global Summit on Education GSE 2015*. 9-10 March 2015, Kuala Lumpur, MALAYSIA.
- Siti Suhaila binti Samiana, Khadijah binti Md Alib & Yahya bin Buntat. 2013. *Persepsi Majikan Terhadap Pekerja Orang Kurang Upaya (OKU) dalam Organisasi di Negeri Johor*. 2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013). Johor Bahru, Malaysia.
- Undang-Undang Malaysia. Akta 685. *Akta Orang Kurang Upaya 2008*. <http://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/Akta%20685%20-%20Akta%20Orang%20Kurang%20Upaya%2008.pdf> [12 Mei 2016]
- US Department of Education. *Building the Legacy: IDEA 2004*. <http://idea.ed.gov/> [19 Mei 2016]
- William-Diehm, K. L. & Lynch, P. S. 2007. *Student Knowledge and Perceptions of Individual Transition Planning and Its Process*. The Journal For Vocational Special Needs Education. 29(3), 13 – 21.